

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI  
(BATU PAHAT)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI [ BATU PAHAT ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah yang telah dijalankan bagi meyakinkan rakyat terhadap GST, apakah prasarana yang telah disiapkan dan berapakah jumlah perbelanjaan yang telah digunakan setakat ini untuk kedua-dua program pendidikan dan pembinaan prasarana.

**JAWAPAN**

Kerajaan sedar bahawa penerimaan rakyat Malaysia adalah penting bagi memastikan kejayaan GST yang bakal dilaksanakan secara rasmi pada 1 April 2015. Lantaran itu, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk meyakinkan rakyat terhadap keputusan melaksanakan GST,

antaranya ialah:

1. Menyusun semula strategi komunikasi GST supaya lebih cekap dan berkesan. Satu pasukan komunikasi khas GST telah ditubuhkan untuk menyelaraskan semua strategi komunikasi GST dengan dianggotai oleh pakar-pakar dari media elektronik, media cetak, media sosial dan juga saluran komunikasi bersama dengan pertubuhan bukan Kerajaan berkaitan;
2. Selain itu, Kerajaan khususnya melalui kerjasama INTAN bersama dengan Kementerian Kewangan dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia telah mewujudkan *advocator* di kalangan penjawat awam mengikut kementerian. Ini adalah kerana Kerajaan menyedari bahawa penjawat awam juga merupakan salah satu kumpulan penting di kalangan pengguna/ rakyat;
3. Dari segi penyebaran maklumat secara *face-to-face*, Kerajaan telah melatih pegawai dari Jabatan Penerangan seluruh Malaysia, pelajar-pelajar IPTA dan Majlis Professor Negara untuk bertindak sebagai *GST Change Agent* dan juga sebagai *GST point of reference* demi meningkatkan tahap keyakinan rakyat terhadap GST; dan

4. Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) juga telah / sedang melatih mereka yang dikenal pasti sebagai *Communicator* di kawasan Parlimen untuk meningkatkan tahap kefahaman rakyat setempat terhadap GST.

Pihak Kerajaan akan terus mempertingkatkan penyebaran maklumat yang tepat mengenai GST kepada masyarakat melalui semua medium komunikasi.

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah perbelanjaan yang telah digunakan sehingga kini bagi program pendidikan, latihan dan prasarana adalah RM137 juta.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI  
DARIPADA [ BATU PAHAT ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI [ BATU PAHAT ]** minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan jumlah sekolah yang dilengkapi dengan bilik guru dan apakah kemudahan-kemudahan asas yang disediakan dalam bilik tersebut bagi membolehkan para pendidik dapat menjalankan tugas asasi "*teaching-learning*" dengan berkesan dan para pendidik dapat merasakan mereka diberikan perhatian dan penghormatan.

**JAWAPAN:**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Selain daripada membina bilik darjah, bilik pengetua, tandas dan sebagainya, bilik guru merupakan skop projek yang mesti dipenuhi dalam membina sesebuah sekolah. Secara keseluruhannya sebanyak 9,623 buah sekolah dilengkapi dengan bilik guru. Daripada jumlah tersebut sebanyak 7,348 buah sekolah rendah memiliki bilik guru manakala sebanyak 2,275 buah sekolah menengah memiliki kemudahan berkenaan. Jumlah ini adalah berdasarkan pengisian semasa yang dibuat melalui **EMIS Online seperti pada 31 Ogos 2014.**